

# Ombak Rindu Ramadan serikan Majlis Khatam UNISSA



MAJLIS Khatam Al-Quran sempena Sambutan Nuzul AL-Quran UNISSA dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diketuai oleh tetamu kehormat Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal (dua, kiri).

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**GADONG**, Khamis, 17 Jun. - Memperingati dan menghayati peristiwa bersejarah Nuzul Al-Quran, di samping menanamkan minat untuk membaca dan mendalaminya. Itulah antara tujuan Majlis Khatam Al-Quran anjuran

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Majlis tersebut diadakan di Surau Asy-Syafi'i, UNISSA. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Rektor UNISSA,

Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku tetamu kehormat.

Seterusnya bacaan Tahtim dan Doa Khatam disempurnakan oleh pelajar Tahun 3, Fakulti Bahasa Arab UNISSA, Awang Md. Arif bin Haji Johari. Acara diteruskan dengan penyampaian derma kepada 25 anak-anak yatim terdiri daripada pelajar UNISSA,

anak-anak pensyarah dan kakitangan UNISSA yang telah kembali ke rahmatullah serta ahli keluarga UNISSA.

Majlis diserikan lagi dengan ceramah khas yang disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Bahasa Arab, Dr. Ahmed Asri Lubis bertajuk 'Ombak Rindu Ramadan'. Disusuli dengan Iftar Jama'ie (Majlis Berbuka)

bersama-sama.

Majlis ini juga bertujuan untuk meraih ganjaran pahala di bulan Ramadan dengan amalan bersedekah, di samping dapat mengeratkan silaturahim sesama warga UNISSA.

Turut hadir, Timbalan Rektor, Penolong Rektor, para pegawai dan kakitangan serta mahasiswa-mahasiswi UNISSA.



PEMANGKU Pengarah Pendidikan Teknik / Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli mengetuai bacaan Surah Al-Fatihah pada majlis tersebut.

Siaran Akhbar dan Foto : Institut Pendidikan Teknikal Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 17 Jun. - Majlis-majlis Khatam Al-Quran terus giat diadakan oleh pelbagai pihak dalam hari-hari terakhir bulan Ramadan ini yang tinggal beberapa hari sahaja lagi.

Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) juga tidak ketinggalan mengadakan majlis seumpamanya bagi pegawai-pegawai dan kakitangan ibu pejabat IBTE di Gadong dan diselenggarakan dengan Ceramah Khas sempena Sambutan Memperingati Nuzul Al-Quran bagi tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi.

Seramai 32 orang peserta terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan IBTE menyertai Majlis Khatam Al-Quran sekali gus menyemarakkan lagi bulan Ramadan pada tahun ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Pendidikan Teknik / Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diketuai oleh tetamu kehormat diikuti dengan Khatam Al-Quran secara beramai-ramai dipimpin oleh Ustaz Haji Saiful Bahri bin

## IBTE semarakkan Ramadan dengan Majlis Khatam Al-Quran



ANTARA para pegawai dan kakitangan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) yang menyertai Majlis Khatam Al-Quran.

Haji Ahmad. Majlis diteruskan dengan Ceramah Khas sempena sambutan memperingati Nuzul Al-Quran yang disampaikan oleh penceramah undangan daripada

Pusat Da'wah Islamiah, Negara Brunei Darussalam, Dayang Hajah Nurhayati binti Haji Abdul Rahman.

Dengan adanya Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan setiap

tahun ini, diharap mampu meningkatkan lagi mutu pembacaan Al-Quran, di samping mendapatkan ganjaran pahala dalam bulan Ramadan Al-Mubarak ini.